

Usaha2 Kerajaan
Dalam Mengembangkan Bahasa Kebangsaan

oleh
Tuan Syed Nasir bin Ismail
pada 18hb. November, 1963.

Sejarah
Ringkas,

Saya sangat berbesar hati kerana telah diberi peluang menyampaikan serba sedikit perkara2 yang berhubung dengan Usaha2 Kerajaan kita Dalam Bidang Mengembangkan Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini, kepada tuan2 dan puan2 yang hadhir dalam persidangan yang amat penting ini. Sa-belum saya menghuraikan satu'persatu tentang usaha2 Kerajaan itu, saya rasa, ada baik-nya kalau saya terangkan lebeh dahulu dengan sa-chara ringkas tentang sejarah perkembangan B-hasa Melayu dan mengapa Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan itu di-anggap sa-bagai satu perkara yang penting dari sa-genap segi, terutama dari segi perpaduan kebangsaan bagi ra'ayat2 negeri ini.

Kalau kita tilek dari segi sejarah, nyata-lah bahawa bahawa Melayu telah pernah menjadi dan di-gunakan sa-bagai bahawa perantaraan oleh berbagai2 kaum, bukan sahaja yang mendiami Tanah Melayu, bahkan juga oleh seluroh kepulauan Melayu. Bahasa Melayu telah pernah menchapai zaman keagongan-nya pada satu nasa dahulu. Perkara ini dapat kita buktikan dari-pada tulisan2 pada batu2 bersurat yang di-dapati di-Sumatera, Tanah Jawa dan juga di-Tanah Melayu sendiri.

Dari satu zaman ka-satu zaman, Bahasa Melayu telah berkembang dengan menerima beberapa perubahan dan tambahan dari segi bentok-nya dan perkataan2-nya mengikut keadaan sa-keliling-nya, sa-laras dengan perkembangan masharakat-nya pada satu2 zaman itu. Bahasa Melayu telah menchapai suatu tingkatan perkembangan sa-bagai suatu bahasa yang maju dan lengkap apabila ajaran Ugama Islam mulai sampai ka-'Alam Melayu dalam Kurun Masehi Yang Ke-13. Kedatangan Ugama Islam telah di-terima dengan baik oleh penduduk2 yang menjadi bumi-putera di-'Alam Melayu dan daripada perhubungan2 yang rapat di-antara pengembang2 Ugama Islam itu dengan anak2

negeri telah menyebabkan beberapa perubahan dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Perubahan2 ini dengan sa-chara tidak langsung telah turut memajukan bahasa Melayu beberapa tapak ka-hadapan.

Akhir-nya, Bahasa Melayu telah menempoh satu zaman yang tidak dapat kita lupakan, ia-itu zaman keagongan Kerajaan Melaka. Pada masa itu Bahasa Melayu betul2 berada di-suatu tingkatan yang tinggi, tingkatan yang sa-suai bagi suatu bahasa yang di-gunakan oleh sa-buah Kerajaan yang besar dan berdaulat. Bahasa Melayu pada ketika itu bukan sahaja di-gunakan sa-bagai bahasa perantaraan, (linguafranca) di-antara ra'ayat biasa, bahkan juga di-gunakan oleh pemerintah dalam semua urusan pemerintahan atau pertadbiran negara dan oleh saudagarg yang menjalankan urusan perniagaan mereka pada masa itu. Sayang-nya tidak ada banyak bukti yang dapat di-ketengahkan sa-lain daripada beberapa buah hikayat2 yang terchipta pada zaman itu, kerana segala perkara yang dapat di-jadikan bukti itu telah hilang dan di-musnahkan bersama2 dengan kejatohan Kerajaan Melayu Melaka oleh orang2 Portugis pada tahun Masehi 1511 itu. Sa-lain daripada itu bukan sedikit pula hasil2 sastera yang terdiri daripada kitab2, hikayat2 dan sha'er2 Melayu serta surat2 yang telah di-kumpulkan bertahun2 lama-nya oleh Sir Stamford Raffles untok di-bawa. balek ka-England. Semua hasil2 sastera ini termasuk beberapa barang lain yang berharga telah musnah bersama2 dengan kapal "Fame" yang telah terbakar di-laut dalam pelayaran-nya membawa barang2 yang berharga itu ka-England.

Samenjak kuasa2 dari negeri luar, terutama negeri2 dari sa-belah Eropah mulai menjajah negeri2 di-sabelah Timor ini maka bahasa Melayu mulai pudar cahaya-nya dan perkembangan-nya mulai di-halang dengan berbagai2 chara. Ini memang-lah telah menjadi salah satu daripada dasar pehak penjajah ia-itu sa-berapa boleh-nya menchari ikhtiar memasokkan semangat kasehkan bangsa penjajah itu sendiri dengan melalui bahasa-nya. Bahasa itu telah di-ajarkan di-sekolah2 dan di-perkembangkan dengan sa-genap ikhtiar dan sa-genap jalan yang terbuka. Bahasa bangsa2 yang menjajah itu telah di-jadikan bahasa pemerintah dan bahasa itu di-beri segala keutamaan untok menarek anak2 negeri mempelajari bahasa itu.

Dasar ini boleh di-katakan di-jalankan oleh semua kuasa2 penjajah, terutama mereka yang datang dari sa-belah Eropah.

Di-antara kuasa2 luar yang memerintah Tanah Melayu ini, Kerajaan Inggeris-lah yang lama sa-kali berkuasa di-negeri kita ini. Dengan menjalankan dasar yang saya sebutkan sa-bentar tadi, maka Bahasa Inggeris bukan sahaja telah dapat berkuku dengan kuat-nya di-negeri kita, bahkan telah dapat pula melemahkan perkembangan bahasa Melayu. Walau pun sekolah2 Melayu dan Maktab2 Melayu telah di-dirikan, tetapi dasar yang di-jalankan ada-lah mengikut bentuk dan chorak Peratoran Pelajaran penjajahan yang sa-suai untuk memenohi kahendak2 dan kepentingan2 pehak Kerajaan pada mata itu. Jadi, Bahasa Melayu telah tidak di-berikah galakan dan layanan yang sa-patut-nya oleh pehak kerajaan masa itu dalam bidang memaju dan mengembangkan bahasa itu. Dari sa-hari ka-sahari taraf bahasa Melayu telah makin merosot dan akhir-nya ia telah berada di-suatu tingkatan yang amat menyedehkan ia-itu di-tingkatan yang amat rendah jika di-bandingkan dengan taraf-bahasa Inggeris. Demikian-lah keadaan bahasa Melayu pada masa negeri kita belum menchapai kemerdekaan-nya dahulu.

Manifesto
Perikatan
Pilihan
Raya 1955

Sekarang, Alhamdulillah negeri kita telah Merdeka. Kalau negara2 lain yang Merdeka dalam dunia ini ada mempunyai bahasa Kebangsaan-nya masing2, maka negara kita juga ada mempunyai bahasa Kebangsaan-nya. Sa-belum negeri ini menchapai kemerdekaannya lagi, pada tahun 1957, Bahasa Melayu telah pun di-terima dan di-akui menjadi bahasa Kebangsaan oleh Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan. Pada masa itu Kerajaan yang lalu sedang menyiapkan negeri ini untuk menchapai kemerdekaannya. Dalam manifesto Pilihan Raya tahun 1955, pehak Perikatan pada masa Pilihan Raya itu telah di-nyatakan bahawa pehak Perikatan bukan sahaja menerima keputusan Majlis Seshuarat Undangan itu, bahkan menegaskan bahawa dalam masa sa-puluh tahun sa-lepas kemerdekaan, segala kekurangan yang ada pada Bahasa Melayu itu akan di-atasi sa-hingga ia betul2 sempurna dalam kedudukan-nya sa-bagai bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi serta bahasa 'ilmu pengetahuan di-negeri ini. Dalam manifesto ini juga telah di-sebutkan ia-itu untuk melaksanakan perkembangan Bahasa Melayu maka

hendak-lah di-tubuhkan Balai Pustaka Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang).

Sa-telah kemerdekaan terchapai, maka di-maktubkan dalam Perlembagaan negeri ini bahawa bahasa Melayu telah di-pilih untok menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi, manakala taraf bahasa Inggeris sa-bagai bahasa resmi akan di-kaji 10 tahun Sa-lepas Merdeka untok di-tetapkan oleh Parliament bahawa bahasa Melayu ada-lah bahasa resmi yang tunggalo Di-sini nyata-lah kapada kita bahawa sejarah telah berulango Bahasa Melayu akan kembali berada pada tempat yang sa-wajar-nya, ia-itu tempat yang pernah di-dudoki-nya pada saman keagongan Kerajaan Melayu Melaka dahulu.

Mengapa
Melayu Jadi
Bahasa Ke-
bangsaan.

Sekarang, mari-lah kita tilek pula sap-pintas lalu mengapa Kerajaan telah memilih Bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan negeri ini. Dengan berdasarkan kenyataan sejarah yang saya sebutkan di-awal2 cheramah initaldi, nyata-lah kapada kita bahawa Bahasa Melayu telah sedia menjadi bahasa perantara (lingua franca) segala bangsa lain yang mendudoki negeri ini - sama ada mereka datang untok dudok sementara kerana menchari kehidupan dan kekayaan, atau pun mereka yang terus menetap di-negeri ini. Bahasa Melayu ia-lah bahawa bumi-putera yang tumbuh dan berkembang dalam negeri ini. Hal ini ada-lah berbedza dengan bahasa2 lain yang ada di-negeri ini kerana bahasa2 itu semua-nya ada-lah bahasa2 yang mendatangkan tidak di-ketahui oleh sa-bahagian besar penduduk2 negeri ini.

Beberapa lama sa-belum bahasa Inggeris mendapat tempat yang teragong di-dalam negeri ini di sebabkan oleh kekuasaan penjajahan-nya, Bahasa Melayu telah merata di-gunakan oleh sa-genap lapisan ra'ayat. Walau pun pada masa bahasa Inggeris telah menchapai kedudukan yang paling tinggi kerana penga-roh kekuasaan penjajahan-nya, tetapi ia tidak dapat menjadi bahasa perantara sa-genap lapisan ra'ayat. Bahasa Inggeris hanya menjadi bahasa perantara bagi golongan atasan dan sa-bahagian besar daripada pegawai2 pemerintah sahaja. Bahasa perantara yang di-gunakan oleh ra'ayat biasa dan dalam per-hubungan hari2 di-antara golongan2 atasan yang saya sebutkan tadi dengan ra'ayat jelata, tidak kira bangsa, maseh tetap bahasa Melayu. Sebab2 dan kela-

yakan2 ini-lah yang menyebabkan ia terpilih dan yang menimbulkan kemungkinan bahawa dengan menjadikannya bahasa Kebangsaan itu, ia akan dapat memainkan peranan-nya yang sa-wajar-nya, peranan-nya yang sa-mula jadi, ia-itu menyatu-padukan perasaan Kebangsaan berbagai2 kaum yang menjadi ra'ayat negeri ini.

Bahasa Kebangsaan Mustahak dalam Negara Merdeka

Sekarang, mari pula kita meninjau sa-pintas lalu mengapa bahasa Kebangsaan bagi sa-sabuah negeri itu mustahak. Tiap2 negara, terutama negara2 yang baharu menchapai kemerdekaan ada-lah menghadapi beberapa masa'alah besar; di-antara-nya ia-lah masa'alah perpaduan kebangsaan. Di-negeri2 yang bumi putera-nya sendiri menjadi sa-bilangan besar daripada penduduk2-nya dan di-negeri2 yang penduduk2-nya tidak begitu besar perbedzaan-nya dalam serba hal, di-antara satu sama lain, maka masa'alah perpaduan kebangsaan ini dapat di-atasi dengan chara yang agak mudah.

Faktor2 penting yang dapat menghasilkan perpaduan kebangsaan ini ia-lah satu bahasa, satu ugama dan satu keturunan. Faktor2 itu menjadi penting kerana masing2 ada mempunyai perhubungan yang erat dengan unsur2 kebudayaan yang mengikat perasaan dan melahirkan peribadi kebangsaan yang sama.

Bagi ra'ayat di-Tanah Melayu, faktor satu ugama dan satu keturunan tidak dapat hendak di-gunakan sa-bagai alat untuk perpaduan kebangsaan. Yang tinggal hanya-lah satu bahasa. Kita tidak dapat hendak menukarkan ugama dan keperchayaan sa-saorang, tetapi tiap2 sa-orang ra'ayat negeri ini dapat menggunakan, memuliakan dan menghargakan satu bahasa. Jadi, terang-lah kapada kita bahawa bahasa Kebangsaan ada-lah sangat mustahak bagi tiap2 sa-buah negeri yang Merdeka, terutama bagi negeri yang penduduk2-nya berbilang bangsa keturunan-nya, berlainan kebudayaan dan ugama-nya saperti Malaysia ini.

Dalam zaman pehjajahan dahulu perbedzaan keturunan, ugama dan bahasa bagi penduduk2 di-negeri kita ini telah di-gunakan dengan jaya-nya menjadi alat untuk memecah belahkan perpaduan penduduk dengan chara yang halus dan lichin - ia-itu dengan menggunakan dasar "pechah-belahkan, kemudian perentah".

Jadi, sa-telah kita menchapai kemerdekaan, beneh2 perpechahan yang telah di-tanam oleh pehak penjajah itu mesti-lah kita chabut sampai ka-akar umhi-nya. Kehidupan kita sa-bagai satu bangsa yang Merdeka dan berdaulat tidak akan jaya kalau ra'ayat negeri ini tidak bersatu-padu dengan semangat kebangsaan yang satu dan kukoh. Saperti yang telah saya katakan tadi bahawa kita tentu sahaja tidak dapat menchaput ke-perchayaan ugama dan darah keturunan ra'ayat di-negeri ini, tetapi kita dapat mengikhtiarkan supaya unsor2 keperchayaan ugama dan darah keturunan itu tidak menjadi unsor2 yang akan memechah-belahkan perpaduan penduduk. Hal ini dapat di-lakukan dengan menggunakan satu alat yang lain. Alat lain yang saya maksudkan itu, sa-lain daripada satu kepentingan hidup dalam satu tanah ayer, ia-lah unsor kebudayaan yang ada dalam bahasa.

Usaha? ke- Oleh memandangkan betapa penting-nya so'al rajaan di- bahasa itu-lah maka Kerajaan negeri ini telah beru-
ialankan saha dengan sa-dapat2-nya hendak mengembang dan
oleh Kemen- meluaskan penggunaan bahasa Melayu yang telah menjadi
terian2. bahasa Kebangsaan negeri ini. Usaha2 ini telah di-
bahagi2kan dan di-jalankan oleh beberapa buah Kemen-
terian yang ada hubongan-nya dengan perkara itu.

Sokarang mari-lah kita jgiulakan melihat usaha2 Kerajaan ini dari lapangan persekolahan, kerana lapangan ini-lah yang melateh anak2 penduduk2 dari berbagai2 keturunan yang akan menjadi warga-negara akan datang. Chorak didekan yang di-terima oleh mereka itu pada masa ini akan merupakan chorak ra'ayat negeri ini pada masa yang akan datang.

Penyata Sa-bagaimana yang telah sama2 kita ketahui
Tun Razak bahawa semua kanak2 di-semua jenis sekolah sekarang ini telah bolajar Bahasa Kebangsaan, sa-kurang2-nya sa-bagai satu mata-pelajaran samenjak Dasar Pelajaran Rszak di-jalankan pada tahun 1956. Pada masa itu lebeh daripada 1,500,000 kanak2 sedang belajar Bahasa Kebangsaan di-semua sekolah2. Tujuan mu'tamad dasar pelajaran itu ialah untok menyatu-padukan semua kanak2 dari berbagai2 kaum yang menjadi ra'ayat negeri ini menerusi satu sistem pelajaran dengan Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar yang utama dalam semua mata-pelajaran. Dengan hal yang demikian Penyata Razak ini telah mengeshorkan satu sistem pelajaran yang berchorak kebangsaan sambil mengekal-

kan dan menghormati bahasa2 dan kebudayaan berbagai2 kaum lain yang menjadi ra'ayat negeri ini.

Dasar Pelajaran ini telah di-semak sa-mula oleh sa-buah Jawatan-kuasa Penyemak yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Enche' Abdul Rahman Talib, pada tahun 1960. Akhir-nya Penyata Jawatan-kuasa itu yang di-kenal dengan nama Penyata Rahman Talib telah di-luluskan oleh Parliament dalam tahun 1960 itu juga. Kedua penyata itu tidak-lah mempunyai perbedzaan yang besar pada dasar-nya. Penyata Rahman Talib telah mengemukakan beberapa shor untuk menegaskan lagi perkembangan Bahasa Kebangsaan yang memang telah pun di-nyatakan dalam Dasar Pelajaran Razak itu.

Kerajaan negeri ini dengan melalui Kementerian Pelajaran telah menjalankan Leransor2 shor2 yang di-kemukakan oleh Penyata Rahman Talib itu. Sekarang, dengan menggunakan bahasa Melayu sahaja sa-bagai bahasa pengantar-nya, sa-sa-orang chalon boleh mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, kechuali mata pelajaran bahasa Inggeris rendah.

Pada masa sa-belum Merdeka dahulu, hanya Sekolah2 Kebangsaan atau yang lebeh terkenal dengan nama Sekolah2 Melayu sahaja yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar untuk semua mata-pelajaran. Tingkatan pelajaran Sekolah Melayu ini putus sa-hingga peringkat Sekolah Rendah sahaja Jadi, dengan itu turut juga-lah terputus-nya peranan bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-sekolah2. Untuk mendapatkan pelajaran Menengah sa-sa-orang kanak2 itu terpaksa-lah memasoki Sekolah2 Inggeris atau sekolah2 lain yang memberikan pelajaran menengah itu. Sekolah2 ini sudah tentu menggunakan bahasa Inggeris bagi sekolah2 Inggeris atau bahasa China bagi sekolah2 China, sa-bagai bahasa pengantar untuk semua mata-pelajaran-nya .

Tetapi, hal ini sekarang telah berubah. Kerajaan telah mengadakan pelajaran menengah sa-chara 'am dengan menggunakan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya. Pelajaran menengah ini ada-lah sa-bagai sambongan kapada pelajaran dari Sekolah2 Kebangsaan. Barangkali, jumlah Darjah2 Menengah yang ada di-seluruh

Persekutuan pada masa ini belum begitu banyak, tetapi darjah2 itu ada-lah sentiasa di-tambah dari sa-tahun ka-satahun, supaya akhir-nya kelak akan sa-imbang dengan bilangan Sekolah2 Kebangsaan yang ada di-seluruh tanah ayer kita. Dengan jalan ini dapat-lah. semua murid2 yang mempunyai kelayakan2 yang chukup menyambong pelajaran mereka hingga ka-tingka.tan pelajaran menengah sa-telah tamat pelajaran rendah di-Sekolah2 Kebangsaan. Mereka dapat meneruskan pelajaran-nya hingga dapat mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu yang telah pun di-adakan pada kali yang pertama-nya, pada akhir tahun 1963 yang lepasso

Usafea Kerajaan tidak-lah berhenti sa-takat itu, ia-itu sa-takat Jnurid2 itu dapat mengambil sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu itu sahaja. Tujuan Kerajaan ia-lah handak meneruskan tingkatan pelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar itu hingga ka-peringkat University. Dengan berdasarkan tujuan itu-lah maka pada awal tahun 1963 ini Kerajaan telah mengadakan satu Darjah Persediaan ka-University. Pada nasa ini baharu ada hanya sa-buah kelas sahaja\$ niurid2-nya sa-ramai 35 orang. Darjah ini di-tempatkan di-Sekolah Menengah ¹Alain Shah, Cheras. Murid2 yang sa-ramai 35 orang itu ada-lah di-pileh daripada murid2 dari seluruh Tanah Melayu yang lulus dalam pepereksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu tahun 1962. Mereka ini di-beri kursus khas sa-lana dua tahun untok persediaan masok ka-University dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar bagi semua mata-pelajrsan dalam jurusan Arts. Jadi, pada awal cental persekolahan Univer-sity Malava tahun 196? nanti skan ada-lah pela.iar2-nya ia-itu per.iuda-pemudi yahg masok ka-University itu dengan melalui Sekolah Menengah Melavu" terus-menerus. Mereka-lah yang akan dapat menunjokkan bukti yang nyata kepada umum bahawa bahasa Melayu memang-lah boleh di-jadikan bahasa 'ilmu pengetahuan.

Pela.iaran menerhsi selcolahg Bahasa Melavu sa-bagai bqhqsq p^ru^ntar dari Sekolah Rendah. Menengah, Menengah Atas hingga Menengah Tin?-fii (13 tahun) semua-nva perchuma.

Satu hal yang patut di-ketahui, terutama oleh bangsa Melayu, bahasa sa-orang kanak2 yang masok ka-sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai Baha-sa pengantar-nya tidak-lah

di-kenakan apa2 bayaran sekolah ia-itu dari peringkat sekolah Rendah (6 tahun), Sekolah Menengah (5 tahun) hingga ka-sekolah Menengah Tinggi (2 tahun) Akan tetapi sa-sa-orang murid yang masok ka-Sekolah Inggeris atau Sekolah China ada-lah di-kenakan bayaran; dan bagi sekolah China pula hanya-lah di-peringkat Rendah sahaja yang dapat bantuan Kerajaan, tetapi lepas daripada pepereksaan darjah VI Sekolah China yang hendak mendapat bantuan Kerajaan, hendaklah men&karkan bahasa pengantar-nya kapada salah satu daripada bahasa resmi - Melayu atau Inggeris.

Buku2 per-
choma ba.gi
murid2 da-
lam sekolah2
Kebangsaan. Dan lagi ada-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan bahawa semua buku2 pelajaran bagi semua darjah dalam sekolah2 kebangsaan Tanah Melayu ada-lah di-beri perchuma oleh Kerajaan melalui Pejabat2 Pelajaran negeri.

Usaha2 sedang di-jalankan supaya dalam tahun 1964 pula, tiga buah kelas saperti yang di-adakan di-Sekolah Menengah 'Alam Shah itu akan di-buka di-seluruh Tanah Melayu. Bagitu-lah sa-terus-nya bilangan kelas itu akan di-tambah dari sa-masa ka-samasa mengikut kemampuan Kerajaan dan keramaian murid2 yang layak.

Buku2 Dalam hubungan ini barangkali akan timbul dalam Bahasa pula pada fikiran kita so'al buku2 yang di-gunakan. Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai salah satu alat Kementerian Pelajaran telah berusaha untok menyelesaikan so'al ini. Buku2 untok semua jenis mata-pelajaran di-sekolah rendah telah sempurna dan bagi sekolah menengah atas yang belum siap itu sudah pasti akan selesai di-kerjakan atau di-terjemahkan dalam satu dua tahun ini,

Buku2 yang layak bagi di-jadikan buku2 pelajaran peringkat University dalam Bahasa Kebangsaan memang di-akui belum ada, terutama buku2 dalam jurusan perubatan, kejuruteraan, sains dan teknik. Kita tidak mesti menjadi putus asa dan terus memberhentikan perjuangan dalam lapangan pelajaran ini dengan ketiadaan buku2 yang di-sebutkan di-atas tadi. Demikian pula tidak-lah kena pada tempat-nya dalam masa yang saperti ini kita hendak menchari puncha2 kesalahan mengapa kita belum mempunyai buku2 pengetahuan tinggi dalam bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan. Pengajaran tinggi peringkat

University ini belum pun berusia satu keturunan dalam negeri kita. Sa-lain daripada itu cherdek pandai bangsa kita yang berkelulusan tinggi itu, baharu-lah samenjak lepas Merdeka ini mengubah sikap mereka beransor2 menghormati bahasa-nya sendiri. Dan lagi kita telah tertinggal ka-belakang di-sebabkan oleh dasar penjajahan dahulu beberapa ratus tahun bagaimana yang saya nyatakan pada permulaan cheramah saya tadi. Oleh yang demikian tidak-lah dapat kita mengharapkan dengan tiba2 sahaja buku2 ilmu pengetahuan tinggi itu terbit dari kalangan masharakat kita. Kita sakalian yang ada pada hari ini-lah yang mesti menanggung tugas itu dengan tabah.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dengan sokongan wang dan galakan dari Kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan tugas-nya dalam bidang mengeluarkan buku2 dalam bahasa Melayu untok buku2 pelajaran sekolah rendah dan menengah serta untok bacaan umum. Jumlah buku2 yang telah di-terbitkan dari sa-tahun ka-satahun ada-lah saperti di-bawah ini:

Men^Ralakkan penulis2 van,?; berbakats

Bagi Fenggalakkan penulis2 yang ada minat terhadap karang-mengarang, maka Dewan ini telah menganjorkan beberapa peraduan tiap2 tahuns peraduan mengarang novel yang berlatar belakangkan Tanah Melayu, cherita pendek, cherita untok kanak2 yang mempunyai unсор2 kebangsaan dan pendidekan *rohami* dan drama. Hadiah2 yang di-beri belum-lah pernah di-dengar dalam Tanah" Melayu ini sa-belum Kerajaan Perikatan ini memerintah dahulu ia-itu \$3,000 bagi yang pertama, \$2,000 yang kedua, sa-lain daripada bayaran hak chipta (royalty) yang di-bayar bagi chetakan kedua dan sa-terus-nya.

Nilai Bahasa Melavu; Bagi membuktikan

Maka (67.)

bahawa Bahasa Melayu sudah mempunyai nilai maka, Dewan Bahasa dan Pustaka pernah membayar penulis buku-nya wang "royalty" dari \$2,000 hingga \$15,000 menurut jenis buku dan naskhah yang di-chetak. H-1 ini ada-lah suatu impian sahaja di-zaman sa-belum Merdeka dahulu.

Dewaa Bahasa dan Pustaka sudah menugaskan beberapa orang cherdek pandai dan kaum terpelajar kita untuk menyusun atau menterjemahkan buku2 yang akan di-gunakan pada peringkat University. Usaha ini memang-lah sukar kerana bukan sahaja sukar untuk mendapatkan kaum terpelajar yang mempunyai masa yang lapang, tetapi juga sukar untuk memperolehi kaum terpelajar yang benar2 mengikuti perkembangan Bahasa Melayu untuk membolehkan-nya menterjemahkan atau mengarang dengan sa-chara chepat. Walau bagaimana pun pada masa ini dalam masharakat kita telah ramai eherdek pandai dan kaum terpelajar bangsa kita yang benar2 mempunyai semangat Kebangsaan dan telah menchuba dengan bersungguh2 menolong Dewan Bahasa dan Pustaka, yang berarti menolong Kerajaan dan ra'ayat negeri ini, dalam tugas yang berat ini.

Dalam soal menterjemah dan menyusun buku2 pelajaran untuk peringkat tinggi ini timbul pula satu masalah lain, ia-itu so'al istilah. Perkara istilah ini memang-lah menjadi satu so'al yang besar bagi tiap2 negara yang baharu Merdeka dan negara yang baharu maju kerana hendak menyesuaikan bahasa-nya dengan perkembangan dan kemajuan masharakat-nya. Walau bagaimana pun masa'alah istilah di-tanah ayer kita ini tidak-lah sa-bagitu rumit saperti yang pernah di-hadapi oleh negeri2 lain yang baharu Merdeka. Perkara yang berhubong dengan istilah . ini telah di-tugaskan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk mendapatkan istilah2 yang tersebut, beberapa buah Jawatan-kuasa Istilah telah di-tubohkan. Mulai dari tahun 1957, hanya ada dua buah sahaja Jawatan-kuasa Istilah, ia-itu Jawatan-kuasa Istilah Kerajaan dan Jawa tan-kuasa Istilah Sains dan Teknik. Tetapi, pada hari ini telah ada 16 buah Jawatan-kuasa Istilah yang meliputi, boleh di-katakan, hampir2 semua lapangan. Ahli2 bagi tiap2 satu Jawatan-kuasa Istilah itu ada-lah terdiri dari-pada pakar2 dalam tiap2 lapangan yang tertentu dan beberapa orang ahli bahasa. Umpama-nya, Jawatan-kuasa Istilah kejuruteraan mengandangi 12 tirang

jurutera dan 3 orang ahli bahasa. Sekarang ini Jawatan-kuasa Istilah itu telah menchipta atau menetapkan 37,068 istilah.

Sa-belum saya pergi kapada usaha2 Kerajaan yang di-buat melalui Kementerian2 yang lain, biarlah saya habiskan dahulu segala kerja atau usaha yang di-buat oleh Kementerian Pelajaran dalam bidang mengembangkan Bahasa Kebangsaan.

Baharu tadi saya telah mencheritakan usaha2 Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran dalam lapangan persekolahan. Sekarang mari pula kita melihat usaha2 Kerajaan dalam bidang ini kapada pemuda-pemudi yang bukan Melayu yang telah meninggalkan bangku Sekolah. Bahagian2 ini di-bnhagikan kapada dua jenis. Yang pertama ia-lah Kelas2 Bahasa Kebangsaan untok seluroh ra'ayat negeri ini dan yang kedua ia-lah Kelas2 Bahasa Kebangsaan yang khusus untok pegawai2 Kerajaan sahaja. Kedua2 jenis kelas ini ada di-buka pada waktu petang atau malam di-pusat2 pelajaran Lanjutan di-seluroh negeri dan kedua2 jenis kelas ini ada-lah di-buka dengan per-chuma. Penuntut2 yang belajar tidak di-kenakan apa2 bayaran, tetapi gaji guru2 yang mengajar dan lain2 perbelanjaan berhubong dengan perjalanan kelas2 itu ada-lah di-tanggung oleh Kerajaan.

Di-bawah ini saya chuba membentangkan sa-chara ringkas bilangan pusat2 pelajaran dan ramai pelajar2 dari sa-tahun ka-satahun mulai dari tahun 1961:

| <u>Tahun</u> | <u>Jumlah bilangan kelas</u> | <u>Ramai Pelajar</u> |
|--------------|------------------------------|----------------------|
| 1961 | 743 | 22,021 orang |
| 1962 | 451 | 14,018 orang |
| 1963 | 422 | 13,994 orang |

Angka yang di-tunjokkan di-atas ini walau pun nampak-nya sa-makin berkurang, tetapi ada-lah menunjokkanbahawa minat ra'ayat negeri ini terhadap Bahasa Kebangsaan ada-lah baik, kerana banyak di-antara-nya ada belajar di-darjah2 dan di-pusat2 pelajaran lain.

Pelajar2 yang belajar Bahasa Kebangsaan di-kelas2 yang di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran aaa-lah nehgikut sukatan2 yang tertentu sa-hingga mereka, boleh mengambil mata-pelajarani Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Melayu bagi Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

i

kursus bagi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan yang pegawai2 bukan Melayu pula telah di-adakan satu kursus 'khas' kerajaan. untuk mereka. Kursus ini di-lancharkan oleh Kementerian Pelajaran dengan chadangan dan persediaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuan besar di-adakan kursus ini ia-lah hendak menolong pegawai2 Kerajaan itu supaya mereka dapat menggunakan bahasa Melayu dalam urusan pekerjaan mereka hari2 beransor2 mulai dari sekarang. Ini ada-lah bcrsesuaian dengan dasar Kerajaan hendak menggunakan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan dalam urusan pentadbiran negeri ini sa-lepas tahun 1967 nanti.

Kelas2 untuk pegawai2 Kerajaan ini lebeh terkenal dengan nama Kelas2 Kursus Bahasa Kebangsaan. Kelas2 ini boleh di-katakan ada di-tubuhkan hampir2 di-seluroh tempat dalam Tanah Melayu ini, terutama di-tempat2 yang ramai pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu. Kelas2 Kursus Bahasa Kebangsaan ini akan mengambil masa sa-lama tiga tahun yang di-bahagikan kapada tiga peringkat. Menurut angka2 yang di-terima berkenaan dengan bilangan pegawai2 Kerajaan yang mendaftarkan nama untuk memasokki pepereksaan yang di-adakan pada tiap2 akhir tahun itu ada-lah menggembirakan. Pada akhir tahun 1961 sa-ramai 6.793 oranp; telah mendaftarkan nama memasoki pepereksaan dan pada tahun 1963 sa-ramai 6.240 orang telah mendaftarkan nama memasokki pepereksaan akhir Kursus Bahasa Kebangsaan beransor2 mulai dari sekarang juga.

Pelajaran menerusi bahasa Melayu bagi orang2 Melayu Dalam usaha2 mengembangkan Bahasa Kebangsaan ini, Kementerian tidak pula lupa kapada orang2 Melayu sendiri. Mulai dari tahun 1962 telah di-tubuhkan pula kelas2 bahasa pengantar. Pelajaran2 di-kelas2 ini sama taraf-nya dengan pelajaran2 di-Tingkatan IV dan V di-sekolah2. Kelas2 ini di-bukan khas untuk guru2 Melayu bagi membolehkan mereka mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1962 telah ada 85 buah kelas dan pelajar2-

nya ia-lah 2,416 orang. Agak saya sa-takat ini memadai-lah keterangan²berhubungan dengan usaha² Kementerian Pelajaran yang ada hubungan-nya dengan usaha² Kerajaan dalam bidang mengembangkan Bahasa Kebangsaan.

Pelajaran
Dewasa, Ke-
menterian
Pembangunan
Luar Bandar

Sekarang, mari kita tinjau pula usaha² yang di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam hubungan usaha² mengembangkan Bahasa Kebangsaan ini. Kalau usaha² yang di-jalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran ada-lah meliputi murid² sekolah sejak dari peringkat rendah hingga ka-peringkat University, pegawai² Kerajaan dan juga orang² 'awan yang tinggal di-bandar² atau di-pekan², maka usaha² yang di-jalankan oleh Kementeriaan Pembangunan Luar Bandar ini ada-lah khusus di-tujukan kepada orang dewasa yang menjadi ra'ayat negeri ini yang tinggal di-luar² bandar atau di-kampong².

Kelas² yang di-bawah anjoran Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini terbahagi kepada dua bahagian. Satu Kelas² Belajar Rumi yang di-khaskan kepada orang² Melayu yang tiada boleh membaeha Rumi. Yang satu lagi ia-lah Kelas² Bahasa Kebangsaan yang bertujuan memberi pelajaran Bahasa Kebangsaan kepada orang² dewasa yang bukan Melayu. Kelas² yang di-anjorkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah'mula di-jalankan pada tahun 1961, dan dalam tahun itu telah ada:

4,679 Kelas Belajar Rumi
dan 1,484 Kelas Bahasa Kebangsaan

Jumlah-nya 6,163 buah kelas untuk
mengembangkan Bahasa Kebangsaan di-kalangan orang²
dewasa yang terdiri daripada 2

124,825 orang Melayu
43,455 orang bukan Melayu

Jadi, jumlah pelajar-nya: 168,280 orang dalam tahun 1961,

Dalam tahun 1962 pula angka² ini makin bertambah kerana telah ada dua peringkat pelajaran, ia-

itu Peringkat Rendah dan Peringkat Menengah. Angka2 banyak kelas dan ramai pelajar dalam tahun 1962 itu ada-lah sa-bagai berikuts

Peringkat Rendah

Kelas Belajar Rumi sa-banyak 2,883 buah
Kelas Bahasa Kebangsaan sa-banyak 654 buah

Jumlah Kelas Perengkas rendah: 3,537 buah

Peringkat Menengah

Kelas Belajar Rumi sa-banyak 3,256 Buah
Kelas Bahasa Kebangsaan sa-banyak 959 buah

Jumlah kelas Peringkat Menengah: 4,215 buah

Jadi jumlah kelas bagi kedua2 peringkat ini ia-lah 7,752 buah dan jumlah pelajar2-nya bagi kedua2 peringkat itu ada-lah sa-ramai 211,420 orang yang terdiri daripada:

dan 165,426 orang Melayu
45,995 orang bukan Melayu

Jumlah 211,420 orang

Pada tahun 1963 ini pula bilangan kelas dan ramai pelajaran-nya makin meningkat tinggi kerana pada tahun ini telah ada tiga peringkat - ia-itu Peringkat Rendah, Peringkat Menengah dan Peringkat Tinggi. Bilangan kelas dan jumlah pelajar-nya sa-hingga bulan Augast tahun ini ada-lah saperti berikuti

Peringkat Rendah

Kelas Belajar Rumi sa-banyak 3,466 buah
Kelas Bahasa Kebangsaan sabanyak 1,021 buah

Jumlah 4,487 buah

Peringkat Menengah

Kelas Belajar Rumi sa-banyak 2,501 buah
Kelas B. Kebangsaan sa-banyak , 521 buah

Jumlah 3,022 buah

Peringkat Tinggi

| | | |
|-------------------------------|------------|------|
| Kelas Belajar Rumi sa-banyak | 2,911 | buah |
| Kelas B. Kebangsaan sa-banyak | <u>773</u> | buah |
| Jumlah | 3,684 | buah |

Jadi, jumlah kelas bagi ketiga2 peringkat yang baharu saya sebutkan sa-bentar tadi ia-lah 11,193 buah dan jumlah pelajar yang belajar di-semua kelas itu ia-lah 306,824 orang. Mereka ini terdiri daripada:

| | | | |
|--------|----------------|-------|--------------|
| | 239,812 | orang | Melayu |
| | <u>67,012</u> | orang | bukan Melayu |
| Jumlah | <u>306,824</u> | orang | |

Apabila di-gabongkan usaha2 yang di-jalankan oleh kedua2 Kementerian ini, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, rasa-nya peluang untok ra'ayat2 negeri ini yang bukan Melayu hendak mempelajari Bahasa Kebangsaan telah chukup. Tidak ada orang yang dapat berdaleh mengatakan dia tidak dapat menggunakan Bahasa Kebangsaan, kerana dia tidak berpeluang mempelajari Bahasa itu.

Gerakan
Minggu dan
Bulan
Bahasa

Sa-lain daripada usaha2 yang telah saya sebutkan sa-bentar tadi, untok menarek lagi perhatian orang ramai yang menjadi ra'ayat negeri ini terhadap Bahasa Kebangsaannya, maka Kerajaan telah pula melancharkan Gerakan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan itu ia-lah hendak memberi keinsafan dan hendak memberi peluang kepada orang ramai menggunakan bahasa itu beransor2 mulai dari sekarang. Dan dengan jalan gerakan2 ini-lah pula Kerajaan dapat menarek pehak sharikat2 perniagaan di-negeri ini dengan chara halus supaya turut menggunakan Bahasa Kebangsaan. Hasil dari Gerakan2 Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan itu ada-lah sangat menggembirakan.

Saya tidak menafikan tentang ada-nya dua golongan ra'ayat yang mempunyai sikap dan pandangan yang agak melampau terhadap chara mengembangkan Bahasa Kebangsaan kita. Ada golongan yang berkahendakan supaya bahasa kebangsaan itu di-paksakan pemakaian-

nya mulai dari sekarang dalam sa-genap lapangan. Hal ini saya rasa tidak dapat di-jalankan kerana negeri kita ada-lah di-perentahkan mengikut dasar demokrasi berparlimen. Tidak ada sa-barang paksaan yang hendak di-jalankan. Untok mengelakkan chara paksaan itu-lah maka Minggu dan Bulan Bahasa itu di-adakan.

Gulongan yang kedua, ia-lah gulongan yang merasa bahawa langkah2 yang di-jalankan oleh Kerajaan sekarang ini sudah terlalu pesat sa-oleh2 satu paksaan. Mereka mahu semua-nya di-perlambat. Mereka mahu apabila semua-nya telah chukup, kalau di-sekolah mithal-nya guru2 yang berkelayakan sudah chukup, buku2 telah chukup baharu-lah pemakaian Bahasa Kebangsaan ini di-jalankan. Sa-belum semua-nya itu chukup mereka tidak jaohu ada peratoran2 saperti syarat2 kelulusan bahasa kebangsaan bagi Bahasa ke- mendapatkan kara'ayatan syarat2 kelulusan bahasa kebangsaan, bagichalun2 pelihan rayas syarat2 menjadi kelulusan bahasa kebangsaan untok pepereksaan2 naik syarat ka-sekolah Menengah dan Sijil Rendah "Pelajaran, yang wajib syarat2 kelulusan bahasa Melayu bagi pegawai Bahagiai 1 dan sa-tengah2 jawatan2 lain.

Kedua2 gulongan yang saya sebutkan sa-bontar tadi ada-lah merupakan dua angkatan yang mempunyai pertentangan fahain. Kalau di-b iarkan mereka mengikut sentimen masing2 hanya akan merugikan perjuangan Kebangsaan kita. Saya rasa kedua2-nya mesti-lah kembali kapada chita2 asal perjuangan ini, ia-itu chita2 kebangsaan yang tulen, sehat dan membina.

Walau bagaimana pun, saya perchaya, dalam usaha mengembangkan dan meluaskan pemakaian Bahasa Kebangsaan ini, sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini ada-lah berdiri tegoh di-belakang Kerajaan. Segala kesukaran tidak akan menghalangi atau melemahkan perjuangan kita kalau tiap2 ra'ayat mempunyai semangat kebangsaan yang tulen dan kuat serta mempunyai kejujoran dan keikhlasan dalam tiap2 langkah dan gerakan kita. Semangat ini-lah yang akan menjamin kejayaan usaha2 Kerajaan kita dalam bidang mengembangkan Bahasa Kebangsaan di-negeri kita ini sa-hingga Bahasa Kebangsaan itu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dengan erti yang sa-benar2-nya.